

Mata wang kripto terdedah pegganas

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Peralihan kepada mata wang kripto akan menyebabkan Malaysia terdedah kepada ancaman pegganas yang serius kerana urus niaga mata wang maya itu tidak boleh dipantau oleh mana-mana pihak.

Penganalisis ekonomi, **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** dari Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, urus niaga digital itu memudahkan pegganas untuk membiayai aktiviti atau kegiatan jenayah mereka secara sulit dan mudah kerana hanya boleh 'dikesan' oleh pihak terlibat sahaja.

"Memandangkan urus niaga itu tidak dikendalikan oleh badan yang bertanggungjawab dan dilakukan secara *anonymous*, maka sesiapa sahaja boleh memindahkan dana ke mana-mana akaun tanpa mengetahui pemilik wang tersebut.

"Ia berbeza dengan urus niaga konvensional yang sentiasa dipantau oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terutamanya melibatkan jumlah transaksi yang banyak. Setiap urus niaga melebihi RM50,000 perlu dimaklumkan kepada BNM," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



AHMED RAZMAN



BARJOYAI BARDAI



Ia berbeza dengan urus niaga konvensional yang sentiasa dipantau oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terutamanya melibatkan jumlah transaksi yang banyak."

AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF
Penganalisis ekonomi

Semalam Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad Ibrahim mengumumkan satu kertas konsep mengenai mata wang kripto akan dimuktamadkan bulan ini dan

disediakan kepada umum untuk memutuskan masa depan bentuk mata wang tersebut.

Beliau juga memberitahu, setakat hari ini, Malaysia masih belum melarang penggunaan mata wang tersebut seperti negara-negara lain kerana mengambil pendekatan sedikit berbeza terhadap mata wang kripto itu.

Mata wang kripto pertama ialah Bitcoin (BTC), direka pada 2009 dan menyaksikan nilai satu Bitcoin mencecah hampir AS\$20,000 (RM79,987) pada tahun lalu.

Tawaran syiling permulaan (ICO) yang dilaksanakan dalam urus niaga itu juga kata Ahmed Razman adalah satu bentuk ancaman kepada kestabilan pasaran kewangan kerana ia mudah terdedah dengan spekulasi yang mana nilainya tidak menentu dan boleh merosot dalam sekelip mata.

Selain itu katanya, ia juga berisiko menjadi sasaran penggodam dan penjenayah lain yang mencuri wang kripto melalui serangan siber," ujarnya.

"Antara negara yang telah melarang penggunaan Bitcoin ialah Bangladesh, Bolivia, Ecuador,

Kyrgyzstan dan Indonesia dan dijangka mengharamkan mata wang digital itu pada tahun ini.

Sehubungan itu, beliau menasihati mereka yang terlibat dalam urus niaga mata wang kripto supaya lebih berhati-hati kerana mudah dimanipulasikan.

Lain pula pandangan penyarah ekonomi dari Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), **Profesor Dr. Barjoyai Bardai** yang berpendapat, urus niaga mata wang kripto akan mewujudkan masyarakat celik digital terutamanya melibatkan urusan pertukaran wang asing.

Katanya, penggunaan *digital wallet* tersebut akan memudahkan dan menguntungkan pekerja asing yang mahu menghantar wang ke kampung halaman mereka kerana tidak akan melibatkan pembayaran komisen kepada ejen berkaitan, sebaliknya hanya perlu membayar yuran transaksi yang jauh lebih sedikit.

Walau bagaimanapun katanya, mereka yang mahu melangkah dalam urus niaga digital sedemikian perlu mendalami selok-belok dan mempunyai pengetahuan yang seluas-luasnya kerana boleh dimanipulasikan dengan mudah.